

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU]

TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dato' Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pemegang kad pelarian yang dikeluarkan oleh agensi UNHCR Kuala Lumpur dan nyatakan apakah hak dan keistimewaan sebagai pemegang kad tersebut.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat UNHCR di Kuala Lumpur sehingga 30 April 2016, terdapat seramai 59,416 pemohon suaka dan 94,732 "pelarian" pemegang kad UNHCR di Semenanjung Malaysia yang berasal dari 60 buah negara.

Kerajaan tidak mengiktiraf status "pelarian" ini memandangkan Malaysia bukan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan/atau Protokol 1967. Oleh itu, "pelarian" ini tidak berhak untuk menuntuk hak dan keistimewaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Konvensyen 1951/Protokol 1967 iaitu:

- (i) Hak untuk tidak dihantar pulang secara paksa (*non-refoulement*) ke negara lain (termasuk negara asal) di mana pelarian tersebut mungkin berhadapan penganiayaan (Artikel 33).
- (ii) Pengecualian daripada sebarang bentuk hukuman dari memasuki mana-mana wilayah/kawasan di negara pihak secara tidak sah (Artikel 31).
- (iii) Hak untuk mendapatkan pekerjaan (Artikel 17).
- (iv) Hak untuk mendapatkan penempatan/perumahan (Artikel 21).
- (v) Hak untuk mendapatkan pendidikan (Artikel 22).
- (vi) Hak untuk mendapatkan bantuan umum/sokongan (Artikel 23).
- (vii) Hak untuk kebebasan beragama dan akses kepada pengadilan (Artikel 4 & 16).
- (viii) Hak kebebasan bergerak (Artikel 26).
- (ix) Hak untuk diberikan status/identiti dan dokumen perjalanan sah (Artikel 27 dan 28).

Namun demikian, atas dasar kemanusiaan, kerajaan membenarkan “pelarian” yang merupakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang kad UNHCR yang sah untuk tinggal sementara sehingga dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga.

Pemegang kad UNHCR yang asli ini juga:

- (i) tidak dinafikan kebebasan bergerak dan tidak ditahan melainkan terlibat dengan aktiviti yang melanggar undang-undang negara. Walau bagaimanapun, kad UNHCR bukanlah merupakan dokumen perjalanan yang membolehkan pemegang kad keluar dan masuk di negara ini secara sah mahupun secara haram.
- (ii) tidak dihantar kembali ke negara asal selari dengan prinsip ‘*non-refoulement*’ melainkan secara sukarela (*voluntary return*). “Pelarian” tersebut perlu membuktikan bahawa mereka akan dianiaya sekiranya pulang ke negara asal.
- (iii) tidak dinafikan hak untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik Kerajaan dengan diberi potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat. Vaksinasi kepada kanak-kanak adalah diberikan secara percuma; dan
- (iv) tidak disekat untuk mendapat kemudahan pelajaran di sekolah swasta.

UNHCR sebagai badan antarabangsa yang memberikan status dan kad “pelarian” serta perlindungan antarabangsa kepada migran asing ini mempunyai tanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kebijakan, sara hidup, tempat perlindungan, menyediakan perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan sebagainya dalam tempoh “pelarian” ini tinggal sementara di Malaysia. Tugas dan tanggungjawab ini juga perlu dipikul bersama oleh 142 negara pihak kepada Konvensyen 1951/Protokol 1967 dan bukannya meletakkan

bebanan dan tanggungjawab tersebut kepada negara bukan pihak seperti Malaysia. Dasar perikemanusiaan ini telah diambil kesempatan oleh migran untuk tinggal dan bekerja di negara ini atas dakwaan sebagai “pelarian” yang sebenarnya merupakan migran ekonomi.

Sekian. Terima kasih.